

14 FEB 1998

PM GESA BANK BERSIKAP MUNASABAH DALAM RUNDINGAN PENGGABUNGAN

RAWANG, 14 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini menyeru bank-bank supaya bersikap munasabah dalam rundingan penggabungan mereka.

Jika bank-bank ini tidak dapat membuat penilaian disebabkan oleh pertikaian mengenai nilai bank masing-masing, mereka bolehlah mengemukakan perkara itu untuk ditimbang tara, katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek pembangunan bercampur dekat Bukit Beruntung di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian bagi menjawab soalan-soalan berhubung masalah dan halangan yang dihadapi dalam rundingan penggabungan menjelang tarikh akhir 31 Mac bagi penggabungan institusi kewangan.

Katanya kerajaan tidak memaksa bank-bank bergabung tetapi meminta mereka berbuat demikian supaya mereka dapat mengelakkan risiko "ditelan satu persatu oleh orang asing."

Dr Mahathir mendapati bahawa harga saham-saham bank semakin rendah dan boleh dibeli dengan mudah oleh orang lain.

Malah, beberapa bank, pada hakikatnya, adalah milik asing, tegas Perdana Menteri.

"Jika harga jatuh sebanyak 50 peratus dan nilai ringgit jatuh 50 peratus lagi, orang asing akan mendapati saham-saham ini amat murah, selain daripada mempunyai kelebihan dari segi peningkatan kadar pertukaran," tambah beliau.

Terdahulu, Dr Mahathir melawat tapak Taman Bunga Raya, iaitu sebuah projek yang dimajukan oleh Medan Prestasi Sdn Bhd, sebuah syarikat ahli Kumpulan Emkay.

Cadangan pembangunan yang terletak di Rantau Panjang, Serendah ini mengandungi 6,257 unit rumah kos rendah berharga RM25,000, 2,100 unit pangsapuri kos sederhana rendah berharga RM60,000 dan 2,540 unit pangsapuri kos sederhana berharga RM80,000.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata cadangan kerajaan untuk menaikkan harga rumah kos rendah di bandar-bandar daripada RM25,000 seunit sekarang telah mendapat bantahan orang ramai.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya bersikap realistik dan menimbang kenaikan harga barangan di bandar-bandar berbanding harga rumah kos rendah yang tidak berubah pada tahap RM25,000 sejak 25 tahun lalu.

Pengerusi eksekutif Kumpulan Emkay Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar berkata masanya telah tiba untuk menaikkan harga rumah kos rendah. Beliau merasakan bahawa cadangan kerajaan itu adalah praktikal dan akan membantu pemaju-pemaju membina lebih banyak rumah seumpama itu.

Mengenai pasaran harta sekarang, beliau berkata ia kini memasuki peringkat di mana harga harta mula stabil.

Harta di bawah tahap RM180,000 masih laris dijual, tambahnya. --

BERNAMA

SHO KY MA